

6 MAC 2018

Boleh binasa sejuta penagih



MOHAMMAD Salleh (tengah) dan Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Jalil Hassan (dua dari kiri) menunjukkan bungkus teh dari China yang mengandungi dadah.

Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@nstp.com.my

Melaka

Syabu bernilai RM14.1 juta seberat 201.3 kilogram (kg) dirampas polis selepas menumpaskan satu sindiket yang dipercayai pengedar dadah terbesar di negeri ini di sebuah rumah di Ayer Keroh, Sabtu lalu.

Dalam serbuan di kawasan perumahan elit oleh sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman turut menahan tiga lelaki.

Semua dadah berkenaan ditemui dibungkus menggunakan pembalut teh Cina.

Pengarah JSJN Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, siasatan awal mendapati sindiket yang didalangi warga tempatan berusia 32 hingga 47 tahun itu memasarkan bahan terlarang berkenaan untuk pasaran tempatan dan negara jiran.

Boleh binasa sejuta penagih

■ Polis rampas syabu dianggar bernilai RM14j

Menurutnya, siasatan juga mendapati sindiket terbabit sudah lama bergiat aktif tetapi lokasi serbuan itu dipercayai dijadikan stor simpanan sejak dua bulan lalu.

"Semua dadah ini dirampas di lokasi pertama bersama dua suspek sebelum polis menahan seorang lagi lelaki di kawasan berhampiran.

"Pemeriksaan di lokasi serbuan menemui lebih 190 pekete dadah disyaki syabu yang dibungkus menggunakan pembalut teh Cina dengan berat setiap satunya melebihi satu kilogram.

"Polis turut merampas tiga kenderaan iaitu Toyota Hilux, Toyota Vios dan Proton Waja yang semuanya dianggarkan bernilai RM150,000 serta wang tunai sebanyak RM450," katanya ketika sidang media di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, semalam.

Mohamad berkata, bekalan dadah yang dirampas itu dianggarkan boleh digunakan oleh sejuta penagih.

"Pemeriksaan juga mendapati dua suspek yang ditahan di lokasi pertama positif dadah dipercayai me-

thamphetamine dan ketiga-tiga mereka yang tiada rekod jenayah lalu direman sehingga Sabtu ini," katanya.

Pada 17 Februari lalu, JSJN Melaka juga menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah apabila bahan terlarang yang juga dibungkus menggunakan pembalut teh Cina bernilai RM3.7 juta dirampas di sebuah rumah di Malim.

Selain dadah disorokkan dalam tong ais itu, polis turut menahan lapan suspek warga tempatan termasuk tiga wanita berusia antara 20 hingga 31 tahun dalam dua serbuan di dua rumah antara jam 2.30 pagi hingga 6.30 petang, hasil maklumat dan risikan.

FAKTA
Sindiket didalangi warga tempatan itu memasarkan bahan terlarang berkenaan untuk pasaran tempatan, negara jiran